

## **SUMBANGAN TEORI KECERDASAN DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

**Khair hidayati binti mohd khair, fadilah binti abdul majid, khairunnisak bt yahya & munirah bt senik**

Pengetahuan guru tentang teori kecerdasan membolehkan guru mengaplikasikannya dalam psikologi pendidikan dan seterusnya membolehkan guru merancang proses dan strategi pengajaran dan pembelajaran secara berkesan dan baik. Hal yang demikian kerana kecerdasan yang terdapat pada seorang pelajar boleh dijadikan sebagai petunjuk potensi yang terdapat pada seseorang pelajar tersebut. Contohnya, seorang pelajar yang kecerdasan verbal – linguistic yang menonjol biasanya mempunyai potensi yang tinggi dalam penulisan kreatif, perbahasan dan bidang pengacaraan.

Selain itu, seseorang guru boleh menjadikan teori kecerdasan pelbagai sebagai panduan untuk mereka merancang teknik, kaedah dan strategi pengajaran dan pembelajaran yang sesuai mengikut jenis kecerdasan, bakat dan potensi yang terdapat pada pelajar-pelajarnya. Kaedah ini membolehkan guru mempelbagaikan cara pengajarannya supaya proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan itu tidak berfokus pada satu-satu jenis kecerdasan sahaja sehingga membosankan pelajar. Sebaliknya, guru boleh menjalankan pengajarannya berdasarkan Sembilan kecerdasan yang disarankan oleh Howard Gardner. Suasana pembelajaran yang sedemikian menjadikan pelajar lebih bermotivasi, bersemangat dan berketerampilan untuk pelajar. Keadaan seperti ini boleh mewujudkan suasana yang kolaboratif di antara guru dan pelajar di sekolah.

Pengaplikasian pengetahuan teori kecerdasan pelbagai berupaya membangunkan bidang akademik dan kokurikulum pelajar. Hal ini kerana selain melihat pada kecerdasan interlek yang ada pada seseorang pelajar, guru harus melihat kepada kecerdasan emosi yang ada padanya. Maksudnya, seseorang pelajar yang dikatakan cergas atau bijak tidak lagi boleh diukur dan dilihat melalui kecermerlangan dalam bidang akademik sahaja. Sebaliknya, kecerdasan emosi yang ada dalam dirinya semasa mengendalikan sesuatu perkara juga amatlah penting. Dengan itu, kreativiti dan usaha guru dalam mempelbagaikan strategi pengajaran dan pembelajaran dalam sesuatu mata pelajaran yang berasaskan kecerdasan yang pelbagai berupaya membangunkan bidang akademik. Di samping itu, pengetahuan guru terhadap kecerdasan yang terdapat pada pelajar membolehkan guru memperbanyakkan aktiviti kokurikulum di dalam ataupun di luar kawasan sekolah bagi mengembangkan segala bakat

dan potensi pelajar yang terpendam. Jadi, secara tidak langsung bidang kokurikulum pelajar juga dapat dibangunkan.

Bagi pelajar pula, apabila mereka dapat mengetahui kecenderungan kecerdasan pelbagai yang terdapat dalam diri mereka sendiri, ia dapat membantu mereka memperkembangkan bakat dan kebolehan mereka. Contohnya, seorang pelajar yang mempunyai kecerdasan kinestetik yang tinggi biasanya akan lebih cenderung untuk melibatkan diri dalam aktiviti yang banyak menggunakan anggota tubuh badan dan ketahanan fizikal seperti berlari dan berenang. Jadi, tidak mustahil mereka akan menjadi seorang atlet sukan yang unggul sekiranya mereka menggunakan kecenderungan kecerdasan tersebut untuk melatih diri bersungguh-sungguh dan memperkembangkan bakat dan kebolehan mereka.

Selain itu, pengetahuan guru tentang kepelbagaian dan perbezaan kecerdasan yang terdapat pada pelajar-pelajarnya membolehkan guru mempelbagaikan cara penilaiannya terhadap pelajar-pelajar. Hal ini bermakna semasa menilai seseorang pelajar, guru tidak hanya menilai pelajar berdasarkan kepandaiannya dalam pencapaian akademik yang biasanya lebih cenderung menuntut kecerdasan logik-matematik dan bahasa. Sebaliknya, guru juga menilai jenis kecerdasan pelajar yang lain seperti keupayaan pelajar melibatkan diri dan berinteraksi dengan pelajar yang lain dalam suatu situasi dan sebagainya. Keadaan ini dapat menggalakkan inovasi dan penyelidikan baru dalam pengajaran dan pembelajaran.

Secara langsung ataupun tidak langsung, pendidikan yang menitikberatkan kecerdasan yang pelbagai pada pelajar juga menyokong dan membantu mewujudkan pembelajaran bersepadu yang menyeluruh selaras dengan falsafah pendidikan kebangsaan yang bermatlamatkan untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek

Teori kecerdasan pelbagai dapat diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Antara aplikasi yang boleh digunakan adalah sebagai petunjuk kepada potensi murid. Jika guru memahami jenis-jenis kecerdasan, mereka akan lebih mengetahui potensi dan kemampuan sebenar pelajarannya. Kefahaman terhadap jenis kecerdasan ini akan membantu guru mengatur rancangan pengajaran yang menjurus kepada kehendak kelompok pelajar yang terdiri daripada pelajar pandai atau lemah di dalam bilik darjah.

Pemahaman tentang teori kecerdasan pelbagai membolehkan guru menjalankan pengajaran mengikut minat pelajar. Ia akan memberi peluang kepada guru untuk melaksanakan sesi pengajaran mengikut atau berpandukan jenis-jenis kecerdasan ini. Selain itu, pemahaman tentang teori kecerdasan pelbagai dapat menggabungkan bidang akademik dan kokurikulum pelajar. Kedua-dua bidang dapat dibangunkan oleh guru di kalangan pelajar sekiranya guru memahami ilmu tentang teori kecerdasan pelbagai.

Guru juga dapat mengasah bakat pelajar dengan kefahaman yang kukuh terhadap teori kecerdasan pelbagai ini. Guru boleh mengenal pasti cita rasa pelajar dengan tepat untuk membantu membangunkan daya kreativiti pelajar tersebut.

Di samping itu, ia memberi peluang kepada guru untuk mendalami aspek penilaian yang lebih berkesan. Kecerdasan yang berbeza-beza akan menghasilkan penilaian yang mantap terhadap kemampuan pelajar dalam sesuatu bidang. Teori kecerdasan pelbagai juga secara tidak langsung menyokong pembelajaran bersepadu dan menyaluruh yang selari dengan falsafah pendidikan kebangsaan.

Dalam pada itu, ia dapat mewujudkan suasana kolaboratif dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Dengan ini dapat mengeratkan hubungan antara guru dengan pelajar, mahupun pelajar dengan pelajar. Kesemua kecerdasan adalah dimiliki oleh setiap individu, tetapi tahapnya adalah berbeza-beza. Keadaan ini akan menggalakkan inovasi dan penyelidikan-penyelidikan yang baru dalam pengajaran dan pembelajaran.